

02 MAY 1997

Hassan-Reaksi

PEMILIHAN ABU HASSAN SEBAGAI BAKAL MB SELANGOR DISAMBUT BAIK

KUALA LUMPUR, 2 Mei (Bernama) -- Pengumuman hari ini mengenai pemilihan Datuk Abu Hassan Omar untuk dilantik sebagai Menteri Besar Selangor yang baru disambut baik oleh para pemimpin politik daripada segenap peringkat.

Mereka menyatakan bahawa Abu Hassan mampu melaksanakan tugas yang diamanahkan itu nanti dengan baik memandangkan rekodnya yang cemerlang dalam kerajaan pusat.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Ahmad Zahid Hamidi berkata Pemuda Umno yakin Abu Hassan dapat menterjemahkan pengalaman luas beliau itu ke dalam pentadbiran negeri Selangor.

"Kita berharap beliau dapat memacu pembangunan Selangor dengan lebih berkesan lagi sebagaimana yang digerakkan di bawah kepimpinan Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib," katanya.

Ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman menyifatkan pemilihan Abu Hassan oleh Perdana Menteri sebagai "pilihan yang tepat".

"Beliau mempunyai pengalaman luas dalam pentadbiran dan ini penting untuk memastikan pembangunan pesat diteruskan di Selangor," katanya.

Wanita Umno akan bekerja keras untuk membantu Abu Hassan dalam pilihan raya kerusi dewan undangan negeri Permatang supaya beliau dapat dilantik secara rasmi sebagai Menteri Besar.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik berkata pemilihan itu tepat memandangkan Abu Hassan mempunyai pengalaman luas baik di peringkat kerajaan pusat mahupun kerajaan negeri.

"Saya mengucapkan tahniah kepadanya dan yakin beliau akan menjadi Menteri Besar yang amat baik," kata Sabbaruddin yang juga Setiausaha Agung Umno kepada pemberita di pejabatnya.

Ketua Penerangan Pergerakan Wanita Umno Datin Paduka Hajah Siti Fatimah Suhaimi berkata pemilihan Abu Hassan adalah di luar dugaan.

"Wanita Umno Selangor akan memberikan sokongan sepenuhnya kepada Datuk Abu Hassan dan yakin beliau seorang tokoh yang berkaliber dan berpengalaman luas untuk mentadbir dan membangunkan Selangor dengan baik," katanya.

Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu ketika mengucapkan tahniah kepada Abu Hassan berkata bahawa bekas Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna itu merupakan pemimpin yang berkebolehan dan mampu membawa Selangor kepada kejayaan yang lebih besar.

"Abu Hassan membawa bersama-samanya pengalaman yang banyak sebagai menteri persekutuan dan sebagai pegawai kanan dalam perkhidmatan awam, katanya.

"Beliau telah menunjukkan perhatian beratnya terhadap kepentingan rakyat dan bersikap bersimpati serta memahami akan masalah mereka," katanya.

Samy Vellu yang juga Presiden MIC berkata beliau yakin MIC akan terus mempunyai hubungan kerja yang rapat dengan kerajaan negeri di bawah kepimpinan Abu Hassan.

"MIC akan memberi kerjasama sepenuhnya kepada Menteri Besar baru itu nanti dalam pentadbiran negeri itu dan membawa kemajuan yang lebih pesat ke Selangor," katanya.

Ketua Pembangkang Lim Kit Siang berkata pemilihan Abu Hassan merupakan sesuatu yang "betul-betul memeranjatkan" dan membuatkan semua spekulasi mengenai perkara itu meleset.

Beliau berkata Abu Hassan sangat layak untuk memegang jawatan Menteri Besar Selangor memandangkan beliau dihormati oleh semua kalangan.

"Beliau menepati apa yang dikehendaki oleh Sultan Selangor dan Perdana Menteri bahawa calon bagi jawatan Menteri Besar itu hendaklah seorang yang benar-benar bersih dan jujur," kata Lim dalam kenyataannya hari ini.

Lim berharap Abu Hassan akan dapat meletakkan standard yang tinggi bagi integriti dan akauntabiliti dalam keputusan dan tindakan Exco kerajaan negeri di bawah pimpinannya nanti.

Di PULAU PINANG, Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed berkata pemilihan Abu Hassan amat tepat memandangkan beliau merupakan pemimpin politik yang berpengalaman dan kanan di Selangor serta peringkat kebangsaan.

"Saya yakin beliau dapat memantapkan lagi pentadbiran Selangor serta memenuhi harapan yang tinggi daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk memastikan Selangor terus maju," katanya.

Ketika ditanya mengenai pelantikan beliau sendiri untuk memangku jawatan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Mustapa berkata beliau tidak mengetahui mengenainya kerana berada di luar Kuala Lumpur.

Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon yang juga Naib Presiden Gerakan berkata beliau yakin Abu Hassan akan dapat menjalankan tugas barunya itu dengan cemerlang memandangkan pengalaman luasnya sebagai menteri.

Katanya, beliau sudah mengenali Abu Hassan sejak 15 tahun lepas.

"Saya mengucapkan tahniah dan berharap beliau berjaya dalam pilihan raya kecil yang akan diadakan nanti," katanya.

Di SEREMBAN, Menteri Besar Pahang Tan Sri Khalil Yaacob yang berada di sini untuk satu majlis, berkata pemilihan Abu Hassan harus diterima oleh semua pihak terutama anggota parti.

Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad pula yakin Abu Hassan mempunyai kemampuan untuk mentadbir negeri Selangor dengan baik dan membawanya ke arah yang lebih cemerlang.

Di KANGAR, Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim menyifatkan Abu Hassan sebagai tokoh yang bersih dan berpengalaman luas dalam bidang pentadbiran, politik serta hubungan luar negara.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz yang menyambut baik pengumuman itu berkata di KUALA LUMPUR bahawa Abu Hassan memang layak untuk memegang jawatan itu.

Beliau berkata Abu Hassan tidak akan menghadapi masalah untuk menggembleng semua pemimpin di Selangor dan terus mempertingkatkan kebajikan rakyat dan kepentingan kerajaan negeri.

Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat berkata pemilihan Abu Hassan merupakan pilihan yang tepat bagi memimpin Selangor yang pesat membangun.

"Kita fikir sebagai seorang yang berpengalaman dalam pentadbiran, beliau (Abu Hassan) orang yang sesuai untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai Menteri Besar itu.

Pemilihan Abu Hassan tidak akan menimbulkan masalah kerana daripada segi politik Abu Hassan merupakan pemimpin yang berpengalaman dan pernah berkhidmat dengan Kerajaan Selangor, kata Mohamed. -- BERNAMA

TM NMO